



13 44

فُجَابَةُ قِرْبَنْدَهارَانْ نَكْرِي كَلْنَتْن  
PEJABAT PERBENDAHARAAN  
NEGERI KELANTAN  
Blok 4, Kota Darulnaim,  
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Pentadbiran Am : 09-7481957  
Pegawai Kewangan Negeri : 09-7485343  
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri : 09-7436429  
Penolong Pegawai Kewangan Negeri 1 : 09-7441024  
Ketua Unit Analisis & Pemantauan Pelaburan : 09-7483495  
Bendahari Negeri : 09-7483484  
Fax No : 09-7487113  
E-mail : pejkn@kelantan.gov.my

Ruj. Kami: PKN.A. 1/20-1/Jld.3(53 )  
Bertarikh : 03 Zulhijjah 1432H  
30 Oktober 2011M

Ke Majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Dato'/Tuan/Puan,

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 5 TAHUN 2011  
MEMBENARKAN ANGGOTA-ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM  
MENDAPATKAN PEMBIAYAAN PINJAMAN KENDERaan SETIAP 5 TAHUN**

Tujuan pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan mengenai persetujuan Kerajaan Negeri Kelantan menerima pakai Surat Pekeliling Perbendaharaan (Persekutuan) Bil. 5 Tahun 2001 bagi semua jabatan dalam Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan. Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri adalah diminta mengambil tindakan melaksanakan pemakaian pekeliling ini.

2. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan salinan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2001 untuk makluman dan tindakan selanjutnya.
3. Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 1 Tahun 2001 ini berkuatkuasa pada 18 Oktober 2011.

Sekian, terima kasih.

**\*SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT \***

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI MOHD FAUDZI BIN HAJI CHE MAMAT)  
Pegawai Kewangan Negeri  
Kelantan



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 5 TAHUN 2001**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri,  
Semua Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri,  
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri,  
Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan.

**MEMBENARKAN ANGGOTA-ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM  
MENDAPATKAN PEMBIAYAAN PINJAMAN KENDERAAN SETIAP 5 TAHUN**

Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membendung kesan kelembapan ekonomi negara maju ke atas ekonomi Malaysia adalah dengan menggalakkan penjualan kereta penumpang. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1993, pinjaman kenderaan hanya boleh diberi kepada anggota Perkhidmatan Awam sekali sahaja di dalam tempoh 7 tahun dengan syarat pinjaman yang ada telah diselesaikan. Sehubungan dengan ini, Kerajaan telah bersetuju membenarkan tempoh pinjaman dipendekkan iaitu setiap 5 tahun dengan syarat pinjaman terdahulu telah genap 5 tahun dan baki pinjaman telah dibayar balik sepenuhnya.

2. Syarat-syarat lain pinjaman adalah sama seperti Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1993, Bil. 8 Tahun 1993, Bil. 4 Tahun 1994, Bil. 5 Tahun 1994, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1996 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2000.
3. Surat Pekeliling Perbendaharaan ini berkuatkuasa pada 1 April 2001.

( Dato' Dr. Samsudin bin Hitam )  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia

12 April 2001

s.k.

Ketua Audit Negara  
Akauntan Negara Malaysia